



**AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

**LAWATAN KELUARGA KLIEN KE PUSAT PEMULIHAN PENAGIHAN NARKOTIK
(PUSPEN) DI SELURUH NEGARA**

Sesi lawatan keluarga/penjaga bagi klien Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang mengikuti Program Rawatan dan Pemulihan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) di seluruh negara kini dibenarkan.

Sesi lawatan keluarga ini akan memberi ruang dan peluang kepada keluarga/penjaga dan klien untuk bertemu mesra serta sebagai pendekatan terapeutik dalam menyokong klien dalam institusi untuk terus memberi komitmen mengekalkan kepulihan.

Kebenaran lawatan itu perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan. Setiap keluarga/penjaga perlu membuat janji temu dengan pihak PUSPEN bagi mengelakkan kesesakan, melancarkan perkhidmatan AADK dan mengelakkan risiko penularan jangkitan wabak Covid-19.

Permohonan janji temu itu boleh dibuat menerusi panggilan telefon; mesej pesanan ringkas (SMS), pesanan aplikasi *WhatsApp*; surat atau *e-mel* kepada Pegawai Pemulihan terlibat.

Lawatan secara **walk-in** adalah tidak dibenarkan sama sekali dalam tempoh pandemik ini. Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi PUSPEN berkaitan atau melayari laman web rasmi AADK di www.adk.gov.my

-TAMAT-

Disediakan oleh:
**UNIT MEDIA DAN KOMUNIKASI KORPORAT
AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**KAJANG
15 OKTOBER 2021**